

HARI KELUARGA KAUNSELING

Oleh: Norafifah Binti Bali

'We are 1 family counseling psychology' merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Kelab Psikologi kaunseling (Counseling Psychology Club atau dikenali sebagai CPC). Program kali ini dijalankan di Taman Hidupan Liar Lok Kawi yang terletak 25km daripada Bandaraya Kota Kinabalu. Bersesuaian dengan tema 'We are 1 family', program ini bertujuan untuk menyambut pelajar tahun pertama disamping mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar program psikologi kaunseling itu sendiri. Sebanyak 186 orang pelajar dan 5 orang pensyarah dan tutor telah menyertai dan memeriahkan suasana aktiviti ini.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang program ini, antaranya adalah:

Explorace

Dua puluh kumpulan telah dibahagikan dan dikehendaki menyelesaikan persoalan-persoalan pada 7 checkpoint: Sayang Si Buta, Kotak Beracun, Bisikan Makmur, Ingatan Diri, Belon Berlari, Sticker Point & Buta Mata.

Lawatan ke Zoo, persembahan Amphitheatre & gotong royong

lawatan mengelilingi zoo ini dikendalikan oleh kakitangan Unit Pengurusan Pelawat iaitu Encik Ahmad Tajuddin. Pentas Amphitheatre dipersembahkan dengan pelbagai persembahan haiwan yang mencuit hati daripada orang utan, ular, burung nuri dan sebagainya. setelah selesai persembahan di Amphitheatre, pelajar menyampaikan penghargaan yang tidak terhingga kepada pihak zoo dengan membantu dalam membersihkan kawasan amphitheatre.

Majlis penutupan serta penyampaian cenderahati


program 'we are 1 family counseling psychology' selama sehari ini diakhiri dengan majlis penutupan dan penyampaian hadiah kepada para peserta dan wakil taman hidupan liar iaitu Encik Ahmad Tajuddin Alli.

Tujuan utama aktiviti ini iaitu berkenalan antara satu sama lain dan mengeratkan hubungan silaturahim telah dicapai. Hal ini selaras dengan tema program psikologi kaunseling, iaitu 'We are 1 family'. Selain itu, aktiviti seperti ini membantu dalam meningkatkan daya kepimpinan kepada ahli jawatankuasa pelaksana dan secara tidak langsung kepada peserta program melalui aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.



Marilah menari bosanova (tak jadi pula)

Jangan ditiru aksi kami



Boleh saya cubit pipi dia?



Burung? Unta? Dinosaur?



Burung nuri peramah



Itukah rahsia dia



Qistina



Bas safari



Laju..laju.. burung helang mengejar kita



Hampir habis selesai Explorace ini



Jutaan terima kasih kepada En TJ



Anak didik Holmes



Tak kering gusi ikut program ni



48

Kenangan manis



Lihatlah karya kami yang terhebat



Pensyarah SPKS popular Pn Norlizah Matshah



Gaya bebas.. chak!!



Tidak dapat posing dengan ular, begini pun jadilah